

**Jenis Akhbar** : Kosmo  
**Tarikh** : 25/12/2024  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional / 6  
**Tajuk** : Sultan Nazrin terima zakat perniagaan RM3.2 juta

## Sultan Nazrin terima zakat perniagaan RM3.2 juta

**IPOH** - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan berjumlah RM3,240,255.33 daripada lapan syarikat korporat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) di Istana Perak, Changkat Persekutuan di Kuala Lumpur semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman Md. Salleh berkata, penyerahan zakat perniagaan tersebut didahului oleh Angkatan Koperasi Kebang-

saan Malaysia Berhad (Angkasa) yang diwakili Presidennya, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah dengan zakat berjumlah RM355,528.73.

"Ia disusuli Metropolitan Utilities Corporation Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengurus Besar Operasinya, Mohd. Khairiri Mohamed Zubir dengan zakat RM215,840.

"Ia diikuti Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amirul Hakim Abdullah (RM1,099,504.99).

"Kemudian, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid (RM100,000)," katanya di sini semalam.

Syamsul Hazeman berkata, UAC Berhad yang diwakili oleh General Manager Government, Regulatory Affairs & Stakeholder Management, Mohd. Najib Mohd. Seth menyerahkan zakat perniagaan sebanyak RM576,015.33.

"Manakala Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Pe-

rak Berhad diwakili oleh Pengerusinya, Salleh Hudin Kamarudin menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM582,424.23.

"Seterusnya, Pertubuhan Peladang Kawasan Seberang Perak diwakili oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah, Mohd. Zamnuri Abidin dengan jumlah RM186,942.05 dan diakhiri oleh Sri Manjung Specialist Centre Sdn. Bhd. yang diwakili Pengurus Besarinya, Muhammad Tareq Mamat (RM124,000)," tambah beliau.



**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA